

## BAB SATU

### LATARBELAKANG HIDUP SYEIKH DAUD BIN ABDULLAH AL-FATANI

#### 1.1 Riwayat hidup Syeikh Daud al-Fatani

Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani adalah seorang tokoh ulamak Melayu terkemuka yang telah mengembangkan syiar Islam di Nusantara pada sekitar akhir abad ke 18M dan pada awal abad ke 19M. Kedudukan Nusantara di antara jalan perdagangan tanah Arab dengan negara China merupakan peluang yang membenarkan wilayah ini menjadi satu kuasa bertaraf antarabangsa yang dipegaruhi oleh idea dan kebudayaan Arab, India dan China.

Beliau merupakan ulamak Fatani yang masyhur dan paling produktif di rantau ini kerana banyak menghasilkan kitab<sup>36</sup> dan sering dianggap sebagai pelopor penulisan ilmu-ilmu agama Islam sejajar dengan perkembangan Patani sebagai pusat pengajian dan tamadun kesusasteraan Melayu yang berunsurkan Islam di Nusantara<sup>37</sup>. Syeikh Daud adalah seorang pengarang terkemuka yang dikagumi kehandalannya menulis dan mengarang dalam suasana kesibukan di mana beliau telah dilantik sebagai Syeikh Haji di Makkah al-Mukarramah. Walaupun begitu hobinya menulis tetap diteruskan.<sup>38</sup>

Nama beliau tidak asing lagi bagi para penadah kitab /pengkaji dan peminat kitab-kitab Jawi. Kitab-kitab karangan beliau cukup terkenal dan diminati ramai. *Munyah al-Muṣalli* umpamanya, walaupun sudah dicetak semenjak 1310M/1892H dan sehingga

---

<sup>36</sup> Engku Ibrahim Ismail (1992), *Syeikh Daud al-Fatani: Peranan & Sumbangannya di Nusantara*”, Dewan Budaya, Sept 1992, h .40

<sup>37</sup> Mohd Zamberi A. Malek (1994), *Patani & Tamaddun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 111. Lihat juga Hasan Madman (2001), *Pondok & Madrasah di Patani, Thailand*, Saudara Press, h. 31.

<sup>38</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990), *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulamak & Pengarang Terulung Asia Tenggara*, *op.cit.*, h. 26.

hari ini masih terus mendapat sambutan dan rujukan<sup>39</sup> pelajar Islam di institusi-institusi pondok dan institusi pengajian tinggi seluruh Nusantara, Mesir dan Eropah.

## 1.2 Nama Dan Asal Usul Keturunannya

Nama lengkapnya ialah Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan ‘Abdullah bin Syeikh Wan Idris<sup>40</sup> al-Fatani. Ibunya bernama Wan Fatimah dan ibu Wan Fatimah pula bernama Wan Salamah binti Tok Banda Wan Sudin bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Andi(*faqīh*) ‘Ali Datok Maharajalela bin Muṣṭafā Datu Jambu (Sulṭān ‘Abdul Ḥamid Shah) bin Sulṭān Muzaffar Waliyullāh bin Sulṭān Abu Abdullah ‘Umdatuddīn (Wan Abu atau Wan Bo Teri atau Mawlānā Isrā’īl Raja Campa).<sup>41</sup>

## 1.3 Gelaran

Pada judul setiap kitab Syeikh Daud digunakan istilah-istilah, iaitu Bahjah al-Dīn dan al-‘Ārif al-Rabbāni. Perkataan Arab Bahjah al-Dīn jika diterjemah ke dalam bahasa Melayu bererti Keelokan Agama, iaitu salah satu gelaran yang diberikan kepada Syeikh Daud Abdullah al-Fatani yang pernah terdapat dalam sebuah kitab karangan beliau. Perkataan al-‘Ārif al-Rabbāni juga diberikan oleh beberapa ulamak kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan gelaran itu kekal digunakan pada beberapa kitab karangan beliau hingga sekarang ini.

Menurut tradisi keilmuan Islam, khususnya ilmu tasawuf, hanya ulamak-ulamak yang sampai kepada peringkat Haal dan Maqam para Wali Allah saja yang layak

---

<sup>39</sup> Ismail Che Daud (1992), *Tokoh Ulamak’ Semenanjung Malaysia (1)*, Kota Bharu: Percetakan Nik Daud, h. 15

<sup>40</sup> Juga dikatakan Wan Senik. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 9

<sup>41</sup> Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ulamak Besar Dari Patani*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Engku Ibrahim Ismail (1992), *op.cit.*, h. 20,

diberikan gelar al-‘Ārif Ar-Rabbāni atau al-‘Ārif bi Allāh. Tidak ramai ulamak dunia Melayu memperoleh gelaran demikian.

Di antara mereka itu termasuk juga al-‘Ālim al-‘Allāmah al-‘Ārif al-Rabbāni Syeikh Abd al- Şamad al-Falimbāni. Dari julukan nama yang demikian agung, ramai orang tidak ragu-ragu tentang cerita-cerita karamah yang pernah berlaku terhadap ulamak besar, Wali Allah, yang banyak menghasilkan kitab karangan, yang berasal dari Patani itu.

#### 1.4 Kelahiran

Para pengkaji berselisih pendapat mengenai tempat kelahirannya. Terdapat tiga pandangan mengenai perkara tersebut. Menurut Wan Mohd Shaghir, beliau dilahirkan di Keresik,<sup>42</sup> kira-kira 7 kilometer di sebelah selatan bandar Patani sekarang tetapi menurut Abdullah al-Qari, Syeikh Daud lahir di kampung Bendang Gucir.<sup>43</sup> Manakala Ismail Che Daud mengatakan bahawa beliau dilahirkan di kampung Parik Marhum<sup>44</sup> yang hampir dengan kampung Keresik. Pada pendapat penulis tempat kelahiran Syeikh Daud ialah Keresik kerana berdasarkan fakta tulisan Tok Kelaba dalam sepotong puisinya yang berbunyi:

*“Fatani yang Masyhur Mu’allifnya,  
Negeri itu Keresik yang hampir sungainya”.*<sup>45</sup>

Tahun kelahiran Syeikh Daud al-Fatani juga tidak dapat dipastikan kerana terdapat perselisihan pendapat di kalangan penyelidik mengenainya. Dalam catatan-catatan beberapa keluarga penulis yang ada hubungan dengan beliau, ada yang mencatat

<sup>42</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah(1990) *Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani: Ulamak dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, *op.cit.*, h. 20

<sup>43</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah(2000) *Penyebaran Islam & Salsilah Ulamak Sejagat Dunia Melayu*, j. 10, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, h. 3-4

<sup>44</sup> Ismail Che Daud (1992), *op.cit.*, h. 3

<sup>45</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah(1990), *op.cit.*, h. 4

tahun 1133 H, 1153 H dan tahun 1183 H. Pada pendapat penulis tahun kelahirannya le yang lebih tepat ialah pada tahun 1183 berbanding dengan tahun 1133H dan 1153H. Ini berdasarkan ada pendapat yang mengatakan umur Syeikh Daud ketika meninggal dunia ialah 80 tahun. Jika ditolak tahun kematiannya iaitu pada 1263 dengan tahun kelahirannya iaitu 1183H, maka didapati bahawa beliau berusia 80 tahun.

Beliau yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Syeikh Daud Fatani ini merupakan anak sulung dari 5 adik-beradik. Adiknya yang lain ialah iaitu Wan Abdul Qādir, Wan Abdul Rasyid, Syeikh Wan Idrīs dan seorang adik perempuan namanya Siti Khadijah bin Abdullah al-Fatani.<sup>46</sup>

Tidak banyak maklumat yang diperolehi mengenai keluarga beliau. Namun dari keluarga inilah berkembang menjadi satu rumpun keluarga yang besar dan tersebar luas di rantau Nusantara dan juga Mekah.

Hampir tidak ada maklumat yang menceritakan tentang perkahwinannya. Sejauh yang diketahui beliau sendiri tidak mempunyai zuriat. Dari itu beliau telah mengambil anak-anak saudaranya sebagai anak angkat iaitu Wan Fātimah dan Wan Zainab. Kedua-duanya merupakan anak-anak Wan Idrīs.<sup>47</sup>

Kedua-duanya dibesarkan dan dididik sehingga sedikit sebanyak mewarisi keilmuan beliau.

## **1.5 Pendidikan**

Walaupun Syeikh Daud al-Fatani dilahirkan dan dibesarkan sehingga remaja di Patani, tapi berdasarkan maklumat yang didapati, beliau mendapat pendidikan awal di tanah air dalam tempoh yang singkat. Dikatakan beliau mendapat pendidikan awalnya

---

<sup>46</sup> *Ibid*, h. 27

<sup>47</sup> *Ibid.*, h. 14-15

selama 5 tahun sahaja di tempat lahirnya.<sup>48</sup> Berdasarkan maklumat yang diperolehi, antara yang menjadi guru beliau pada peringkat awal pendidikannya ialah bapanya sendiri iaitu Wan Abdullah dan bapa saudaranya Wan Safiyuddin.<sup>49</sup> Ini tidaklah menghairankan kerana sudah menjadi tradisi keluarga yang berketurunan para alim ulamak, anak-anak mendapat didikan awal dan bimbingan terus daripada kedua ibubapanya. Apatah lagi bapanya sendiri merupakan seorang ulamak besar Patani pada zaman itu.

Selain dari kedua ulamak itu, beliau juga sempat belajar dengan beberapa orang ulamak pondok yang terdapat di sekitar Patani pada waktu itu. Antaranya yang termasyhur ialah Syeikh Abd Rahman Abdul Mubin di pondok Pauh Bok.<sup>50</sup> Setelah tamat belajar di tanah air beliau menyambung pelajarannya ke Mekah. Selama beberapa tahun pengembaraan mencari ilmu di Timur Tengah, Syeikh Daud al-Fatani telah sempat berguru dan bermuzakarah dengan tidak kurang daripada 40 orang ulamak terkemuka pada zamannya. Keunggulan Syeikh Daud dari aspek penulisan *Īdāh al-albāb* dapat dilihat dari kesarjanaan dan kekeramatan dalam penulisannya. Diceritakan oleh ramai orang bahawa Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani ketika menyusun kitab *Munyah al-Muṣalli* tanpa mengenakan sesuatu kitab sebagai rujukan. Semua yang ditulis adalah berdasarkan pengetahuan yang ada dalam ingatan beliau sahaja. Oleh sebab itu raja yang menyuruh beliau mengarang kitab itu merasa ragu. Kerana keraguan-raguan itulah maka Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani ketika menulis *Munyah al-Muṣalli* tanpa menggunakan lampu dan qalam. Cahaya keluar dari jari telunjuknya. Hanya sebuah kitab *Munyah al-Muṣalli* sahajalah yang ditulis dengan cara demikian itu, dan mulai saat itulah raja tidak berani melanggar apa saja yang dikatakan

---

<sup>48</sup> Ismail Ishak (2001), *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani*, Kertas kerja Seminar Pemikiran Ulamak: Syeikh Daud bin Abdullah, 1-2hb Jun 2001, Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Pattani, h. 5

<sup>49</sup> *Ibid.*

<sup>50</sup> Faudzi Naim Badarudin (1991), *Syeikh Daud al-Fatani: Riwayat Hidup, Pendidikan dan Karya-Karyanya*”, dalam Maw'izah, j. 7, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, h. 42

oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani adalah menjadi pegangan yang kukuh. Di zamannya sama ada rakyat jelata mahupun golongan elit raja-raja mengakui dan mempercayai bahawa Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani adalah seorang “Wali Allah” yang sangat banyak bukti keramatannya. Benar atau tidaknya cerita ini terserahlah kepada penilaian para pembaca, saya ini hanyalah memindahkan cerita sekian banyak yang saya dengar yang belum pernah didokumentasikan berupa tertulis.<sup>51</sup> Kitab *Munyah al-Muṣalli* selesai ditulis pada hari Selasa 14hb. Syawal 1259, manakala kitab *Idāh al-albāb* selesai ditulis pada malam Isnin 9hb. Rabi’ al-Awwal 1259H. Berdasarkan kepada tahun yang sama kedua-dua kitab ini ditulis, maka tidaklah keterlaluan jika dikatakan kitab *Idāh al-albāb* ini mempunyai nilai keramatnya yang tersendiri.

Setelah mendapat pengajian asas di beberapa buah pondok di sekitar Patani, beliau terus meluaskan lagi pengajiannya di luar Patani. Namun begitu, tidak diketahui maklumat yang menceritakan tarikh beliau meninggalkan Patani untuk meneruskan pengajiannya di Mekah dan Madinah. Ismail Che Daud berpendapat beliau meninggalkan Patani pada akhir abad ke-18.<sup>52</sup> Ini disokong oleh Ismail Bin Ishak yang menyatakan bahawa Patani pada ketika itu telah mengalami pergolakan politik yang sengit akibat diancam oleh tentera kerajaan Siam, sehingga tercetusnya peperangan. Kesan dari peperangan itu kerajaan Melayu Patani telah mengalami kekalahan pada bulan November 1786M.<sup>53</sup> Oleh itu, dengan mengambil kira suasana politik dan keadaan negeri ketika itu yang tidak stabil dan tenteram, Syeikh Daud berkemungkinan besar telah meninggalkan Patani sekitar tahun 1787M dan berumur 18 tahun.<sup>54</sup>

---

<sup>51</sup> Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000M) *Mun-yatul al-Musalli*, Kuala Lumpur Khazanah Fathaniyyah, , h. 2.

<sup>52</sup> Ismail Che Daud (1992), *op.cit.*, h. 8.

<sup>53</sup> Ismail Bin Ishak (2001), *op.cit.*, h. 6

<sup>54</sup> *Ibid.*

Walaupun pendapat ini disangkal oleh Faudzi Naim. Beliau berpendapat Syeikh Daud meninggalkan Patani lebih awal dari tarikh tersebut. Malah pada tahun 1787M itu, Syeikh Daud telah pun berada di Mekah. Data yang sedia ada membuktikan bahawa beliau telah menghasilkan satu karya yang diberi nama *Kifāyah al-Muhtāj*<sup>55</sup> pada tahun 1789M. Sekiranya Syeikh Daud meninggalkan Patani pada tahun 1787M seperti yang dikatakan dan menghasilkan karya pada tahun 1789M yang ketika itu beliau baru berusia 20 tahun dan pengalaman menuntut di Mekah tidak sampai 2 tahun, maka adalah tidak munasabah dan sukar diterima bahawa beliau dapat menghasilkan karya yang bersifat sedemikian kerana karya yang bermutu seperti itu memerlukan tahap pencapaian keilmuan yang matang oleh penulisnya serta tempoh masa yang tertentu untuk menyempurnakannya.

### 1.5.1 Guru-guru

Antara individu-individu yang pernah menjadi gurunya ialah seperti berikut:<sup>56</sup>

#### Bangsa Melayu

- 1) Syeikh Muḥammad Zain Aceh.<sup>57</sup>
- 2) Syeikh Abd Ṣamad al-Falimbani.
- 3) Syeikh Muḥammad Arsyad al-Banjari.
- 4) Syeikh Muḥammad Sāliḥ al-Fatani.
- 5) Syeikh ‘Alī B. Iṣḥāq al-Fatani.<sup>58</sup>
- 6) Syeikh ‘Abd al-Raḥmān Mubin.
- 7) Syeikh Muḥammad Nafis B. Ḥussain al-Banjari.

<sup>55</sup> Salah satu karya Syeikh Daud yang membicarakan tentang Isrā’ dan Mi’rāj. Ditulis pada tahun 1204H. Ianya dianggap kitab jawi yang pertama yang menceritakan kisah atau peristiwa tersebut.

<sup>56</sup> Wan Mohd Shaghir (1990), *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulamak dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, op.cit., h. 27

<sup>57</sup> Nama sebenar beliau ialah Syeikh Zain bin Faqih Jalaluddin al-Asyi, penyusun kitab “*Bidāyah al-Hidāyah Kashf al-Kirām*”. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990), op.cit., h. 32

<sup>58</sup> Seorang pengamal tarekat *Samaniyah*. Tetapi sebaliknya Syeikh Daud membai’ah beliau di dalam tarekat *Shatariyah*. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990), op.cit., h. 33

- 8) Syeikh Muḥammad Syiḥab al-Din B. Zain al-‘Ābidīn.
- 9) Syeikh Abdullah B. Ismāil.
- 10) Syeikh Muḥammad B. Syaikh Aḥmad Khatib.

### **Bangsa Arab**

- 1) Syeikh Īsā B. Aḥmad Isa al-Barrawi
- 2) Syeikh Muḥammad B. ‘Abd al-Karim al-Sammani al-Madani.<sup>59</sup>
- 3) Syeikh ‘Abdullah B. Ibrahim al-Syarqawi
- 4) Syeikh Ibrahim B. Muḥammad al-Rais al-Zamzami.
- 5) Syeikh Aḥmad Marzuqi al-Malik

### **1.5.2 Murid-murid**

Kehadiran Syeikh Daud al-Fatani telah menarik perhatian ramai pelajar Melayu, sehingga ulamak-ulamak dan pelajar-pelajar dari Asia Tenggara yang berada di Makkah itu telah menubuhkan Kesatuan Anak-anak Melayu.<sup>60</sup>

Di bawah ini disenaraikan nama-nama murid Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani yang terkenal. Di antara mereka ialah:<sup>61</sup>

1. Syeikh Abdul Ḥalim Kelantan.<sup>62</sup>
2. Hj. Jamaluddin bin Lebai Muḥammad Kelantan.
3. Syeikh ‘Alī bin Ishaq al-Fatani.<sup>63</sup>
4. Syeikh Wan Hassan bin Ishaq Besut al-Fatani

<sup>59</sup> Pelopor tarekat *Samaniyah*. Keterangan ini bagaimanapun ditentang oleh Ismail Che Daud atas alasan beliau adalah merupakan guru kepada Syeikh Abd. Samad Palembang, Syeikh Muhammad Arsyad Banjar dan Syeikh Ismail bin Abdullah Minangkabau. Lihat Ismail Che Daud, h. 24 dan Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 34

<sup>60</sup> Engku Ibrahim Ismail (1992), *op.cit.*, h. 55

<sup>61</sup> Wan Mohd Shaghir (1990), *op.cit.*, h. 42-50.

<sup>62</sup> Beliau merupakan anak angkat kepada Long Yunus (Sulṭān Kelantan) yang berasal dari keturunan saudagar cina. Beliau dianggap sebagai orang pertama yang mengajar di Kelantan yang menggunakan model pengajian pondok, berpusat di kota Kubang Labu, seterusnya berpindah ke Kota Lama (Kampung Sireh) dan merupakan penasihat kepada Sultan Muhammad 1800M-1837M. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 42-43.

<sup>63</sup> Beliau meninggal pada tahun 1860M. Sempat meninggalkan dua karya iaitu: “*Hidāyah al-Mukhtār*” (1833M) dan “*Ayyuhal Walad*” (1850). Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990), *op.cit.*, h. 42-43.



5. Syeikh Muḥammad Zayn bin Mustafa al-Fatani.
6. Syeikh Wan Musa bin Mustafa al-Fatani
7. Hj. Muḥammad Saleh Khatib al-Fatani
8. Syeikh ‘Abd al-Samad Pulau Chondong, Kelantan.
9. Syeikh Abdul Malik b. Isa (Tok Pulau Manis) Terengganu.<sup>64</sup>
10. Syeikh Zaynuddin Aceh.<sup>65</sup>
11. Syeikh Aḥmad Khatib bin Abdul Ghaffar Sambas.<sup>66</sup>
12. Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Raḥman al-Fatani.<sup>67</sup>
13. Syeikh Muḥammad bin Ismail Daudy al-Fatani.
14. Syeikh Muḥammad Zaynuddin b. al-Badawi Sumbawi.
15. Raja Haji Aḥmad bin Raja Haji Riau.
16. Raja ‘Alī Haji Riau.
17. Raja Haji Abdullah @ Marhum Mursyid al-Rāwī.
18. Syeikh Muḥammad Saleh bin Munird al-Rāwī.<sup>68</sup>
19. Syeikh Ismail bin ‘Abdullah Minangkabau.<sup>69</sup>
20. Muḥammad Saleh bin Sunan Maulana Qadi @ Tengku Tembusai.<sup>70</sup>
21. Sulṭān Muḥammad Ṣafiuddīn Sambas.
22. Lebai Din bin Long Nik al-Fatani.<sup>71</sup>

<sup>64</sup> Beliau dikenali dengan panggilan “Tok Pulau Manis”. *Ibid.*, h. 44

<sup>65</sup> Guru kepada Syeikh Nawawi al-Bantani. Lihat *Ibid.*, h. 46

<sup>66</sup> Nama lengkap beliau Syeikh Muhammad Khatib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambas al-Jawi (1217H-1289H), yang juga merupakan guru kepada Syeikh Nawawi al-Bantani dan seorang tokoh besar dalam tarekat *Qadiriyyah* dan *Naqsyabandiyah* di Alam Melayu. Lihat Wan Mohd Shaghir (t.t). *Perkembangan Ilmu tasawuf dan Tokoh-tokohnya di Nusantara*: Surabaya, h.77

<sup>67</sup> Guru kepada sekalian guru ilmu tasawuf di Mekah dab berbagai tarekat terutama tarekat *Syathariyyah*. *Ibid.*, h. 48.

<sup>68</sup> Senarai 15-18 adalah merupakan keturunan diraja Riau dan memegang peranan penting dalam pentadbiran pemerintahan serta pengembangan ilmu pengetahuan di kerajaan Riau, Lingga, Johor dan Pahang khasnya dan Alam Melayu. *Ibid.*, h. 48.

<sup>69</sup> Kedudukannya sebagai murid Syeikh Daud adalah berdasarkan kepada kenyataan yang terdapat di dalam “*Kanzl al-Mu'id*” halaman 14 bahawa: “...Syeikh Ismail Khalid yang mempunyai kitab *Kifāyah al-Ghulām* dan murid yang sangat alim lagi mempunyai beberapa karangan yang bermanfaat akan manusia iaitu Asy Syaikh Daud bin Abdullah al-Fatani...”. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h.49.

<sup>70</sup> Merupakan seorang pahlawan terkenal. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (1990), *Ibid.*, h. 50.

<sup>71</sup> Menurut Wan Mohd Shaghir, maklumat ini beliau perolehi daripada penyebar tarekat *Syathariyyah* (Perak), Haji Muhammad Saman bin Muhammad Khan, iaitu murid kepada Lebai Din sendiri. Pengakuan Hj. Muhammad Saman bin Muhammad Khan sebagai anak murid kepada Lebai Din bin Long Nik al-Fatani boleh dirujuk di dalam buku karangan beliau “*Ṭarīq ilā Allah*”, halaman 46 bahawa: “...Demikian keadaan hamba apakala Syeikh hamba Tuan Lebai Din bin Long Nik al-Fatani kembali ke rahmatullah pada tahun 1939M hamba tatkala bersama-sama dengan beliau itu Cuma dapat berzikir jihar dan zikir sir sahaja. Hamba amat dukacita ke mana hamba hendak mencari Syaikh seumpamanya, juga untuk menyambung muzakarah hal-hal batin itu”. Lihat Wan Mohd Shaghir (1990), *op.cit.*, h.47.

Ketokohan murid-murid beliau terserlah setelah mereka pulang ke tanah air masing-masing dengan menyebarkan ilmu pengetahuan di pondok-pondok. Sebagai contoh, Syeikh ‘Abdul Ḥalim Kelantan disamping giat mengajar beliau juga dilantik sebagai Penasihat Sulṭān Muḥammad I (1800 - 1837M). Beliau merupakan orang pertama mengajar di Kelantan menurut model pengajian pondok. Pusat aktivitinya di Kota Kubang Labu, kemudian berpindah ke Kota Lama di Kampung Sireh.<sup>72</sup>

## 1.6 Karya-karya

Wan Mohd Shaghir memberikan 61 buah karya yang pada pandangannya adalah sahih hasil karya Syeikh Daud. Sebaliknya Tuan Guru Haji Abdul Ḥamīd b. Haji Abdul Qādir menyatakan Syeikh Daud telah menghasikan karya sebanyak 101 buah.<sup>73</sup> Antara hasil karyanya itu ialah :

- 1- *Bughyah al-Ṭullāb li Murīd Ma’arifah al-Aḥkām bi al-Ṣawāb* (1274H/1857M). Kitab ini membincangkan persoalan-persoalan ibadat. Ia merupakan lanjutan dari kitab *Sabīl al-Muhtadīn fī al-Tafaqquh fī Amr al-Dīn* karangan Syeikh Muhammad Arsyad Bin Abdullah al-Banjari.<sup>74</sup>
- 2- *Al-Ṣaid wa al-Dhabāih*. Kitab ini ditulis di Mekah. Beliau hanya menyebut tarikh tulisannya iaitu pada hari Rabu 10 Safar tanpa menyebut tahunnya. Kandungannya mengenai hukum penyembelihan, pemburuan, korban, aqiqah, binatang yang halal dan haram dimakan menurut mazhab Syafie serta perkara-perkara yang berkaitan.<sup>75</sup>

---

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 43.

<sup>73</sup> Wan Mohd Shaghir (1990), *op.cit.*, h. 52.

<sup>74</sup> *Ibid.*

<sup>75</sup> *Ibid.*, h. 53-93

- 3- *Al-Bahjah al-Saniyyah*. Kitab ini ditulis di Mekah. Isi kandungannya menghuraikan ilmu tauhid dan perkara-perkara yang berkaitan. Karya ini siap ditulis pada Sabtu 16 Safar 1258H.<sup>76</sup>
- 4- *Hikayat Laki-laki yang ṣahīh daripada Banī Israil*. Ia merupakan risalah kecil yang diletakkan di bahagian belakang kisah Nabi Yusuf dan bukannya kitab yang berasingan.
- 5- *Manhāj al-Ṣafī fī Ramz Ahl al-Ṣū fī*. Kitab ini diantara kitab yang banyak disalin, namun begitu tidak ditemui cetakannya dari Mekah atau pun Mesir<sup>77</sup>. Menurut Aḥmad Faṭḥi al-Fatani kitab ini sebenarnya bukan hasil karangan Syeikh Daud tetapi adalah hasil penulisan Syeikh Abdul Kadir al-Fatani bin Wan Abdul Rahim bin Wan Abdul Rahman Bukit Bayas Terengganu.<sup>78</sup>
- 6- *Kayfiyyah Khatam al-Qur'ān*. Kitab ini ditulis dalam Bahasa Melayu. Ia menerangkan bagaimana menamatkan bacaan atau khatam al-Quran serta mengandungi berbagai doa yang berkaitan. Kitab ini juga merupakan kitab yang pertama berbentuk demikian. Tarikh karangannya juga tidak disebutkan.<sup>79</sup>

---

<sup>76</sup> Mohd Zain Yahya et. al (2001), *Penulisan Fiqh Syeikh Daud al-Fatani*, Kertas kerja Nahda Ulama Nusantara 1. Kolej Pengajian Islam Prince of Songkla Universiti, Kampus Pattani Thailand, 19-20 Mei 2001, h. 2

<sup>77</sup> *Ibid.*

<sup>78</sup> Aḥmad Faṭḥi al-Fatani (2001), *Ulamak Besar dari Fatani*. Kuala Lumpur: Ampang Press, h. 24.

<sup>79</sup> Wan Mohd Shaghir (1990) "*Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani: Ulamak dan Pengarang Terulung Asia Tenggara, op.cit.*", h. 63.

- 7- *Kaifiyyah Ṣalāh Tarāwīh*. Naskah ini menerangkan cara sembahyang tarawih, diikuti dengan witr, ṭariqat Shatariyyah, tariqat Sammaniyyah dan diakhiri dengan adab ziarah kubur. Tarikh penulisannya tidak dinyatakan.<sup>80</sup>
- 8- *Risalah Kelebihan Basmalah*. Risalah ini menerangkan tentang kelebihan mengamalkan basmalah, cara-caranya dan perkara-perkara yang berkaitan.<sup>81</sup>
- 9- *Īdāh al-Albāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb* (1224H/1809M). Kitab ini menjadi teks kajian penulis. Perbahasannya akan dibuat dalam bab ketiga dan bab keempat. Wan Mohd Shaghbir menyatakan yang betul pada judul kitab ini ialah tertulis pada manuskrip. Ejaan judul pada cetakan adalah kecaciran dan tersalah cetak<sup>82</sup>. Kandungan kitab ini menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan nikah, talaq, mahar dan sebagainya.<sup>83</sup> Ianya sering digunakan dalam pengajian di Asia Tenggara.
- 10- *Al-Durr al-Thamīn fī ‘Aqāid al-Mu’min*(1232H/1816M). Pada cetakan al-Maṭba’ah al-Miriyyah Makkah, tahun 1331H, diakhir kitab ini dinyatakan judulnya *al-Durr al-Thamīn fī Bayān ‘Aqā'id al-Mu'minīn*<sup>84</sup>. Kitab ini membicarakan tentang ilmu Tauhid berdasarkan aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah. Sebahagian besar kandungannya adalah hasil terjemahan dari kitab Tauhid berbahasa Arab.<sup>85</sup>

<sup>80</sup> Mohd Zain Yahya et. al (2001), *Penulisan Fiqh Syekh Daud al- Fatani*”, *op.cit.*, h. 5

<sup>81</sup> Wan Mohd Shaghbir (1999) “*Syeikh Daud Bin Abdullah al- Fatani, op.cit.*, h. 68.

<sup>82</sup> *Ibid.*, h. 13

<sup>83</sup> *Ibid.*, h. 69

<sup>84</sup> Syekh Daud Bin Abdullah al-Fatani (1331H) *al-Durr al-Thamin* pada menyatakan I’tiqad segala orang yang mu’minin, Makkah al-Matbaah al-Miriyyah.

<sup>85</sup> Hassan Madman (2001), *Pondok dan Madrasah di Pattani*, Thailand: Saudara Press, h. 31.

- 11- *Kisah Nabi Yūsuf ‘Alaih al-Salām*. Karya ini dianggap yang pertama dihasilkan dalam Bahasa Melayu. Isi kandungannya juga lengkap dan sempurna yang menceritakan sejarah hidup Nabi Yūsuf ‘Alaih al-Salām.<sup>86</sup>
- 12- *Muqadimah al-Kubrā*. Tidak ditemui salinan asalnya, walau bagaimanapun ditemui salinan yang disalin oleh Syeikh Abd al-Samad al-Kalantani. Tarikh penulisannya juga tidak diketahui. Kitab ini membicarakan tentang aqidah dan dimuatkan perkara-perkara *nādir* yang jarang didapati dalam kitab lain.<sup>87</sup>
- 13- *Tanbīh al-Ghāfilīn*. Karya ini belum ditemui. Satu naskhah yang disimpan di Pusat Islam Malaysia Kuala Lumpur yang tidak diketahui pengarangnya, mungkin ini dikaitkan dengan kitab *Tanbih al-Ghafilin* karya Syeikh Daud.<sup>88</sup>
- 14- *Bulugh al-Marām* pada bicara *Kayfiyyah Muqaramah Takbīrah al-Ihrām* (1227H). Risalah ini menerangkan bagaimana mendatangkan niat yang sah dalam sembahyang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya mengikut mazhab Syāfiī .<sup>89</sup>
- 15- *Sifat Dua Puluh*. Syeikh Aḥmad B. Muhammad Zain B. Mustafa al-Fatani menolak kitab ini sebagai karangan Syeikh Daud. Beliau menyatakan

---

<sup>86</sup> Wan Mohd Shaghir (1990) “Syeikh Daud Bin Abdullah al- Fatani: Ulamak dan Pengarang Terulung Asia Tenggara, *op.cit.*, h. 62.

<sup>87</sup> *Ibid.*, h. 67

<sup>88</sup> *Ibid.*

<sup>89</sup> *Ibid.*, h. 71

bahasa yang digunakan dalam kitab ini berbeza dari bahasa Syeikh Daud serta menimbulkan kekeliruan.<sup>90</sup>

- 16- *Bidāyah al-Hidāyah (Terjemahan)* (1253H). Kitab asal *Bidāyah al-Hidāyah* ini adalah dalam bahasa Arab karya al-Imām al-Ghazālī iaitu sebuah kitab taşawwuf.<sup>91</sup> Syeikh Daud menterjemahkannya ke dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan judul asal.<sup>92</sup>
- 17- *Ḍiya' al-Murīd fī Ma'rifah Kalimah al-Tauhīd*. Kitab ini tidak dinyatakan tarikh penulisannya. Ia dipercayai ditulis di Istana Sulţān Muhammad Sasiyuddin, iaitu murid kepada Syeikh Daud, Sambas, Kalimantan. Kandungan kitab ini berkaitan dengan cara-cara berzikir dan adab-adabnya menurut Syatariyyah.<sup>93</sup> Juga mengupas persoalan ketuanan dalam konteks pengertian *al-Syahadah al-Uluhiyyah*.<sup>94</sup>
- 18- *Wasāyā al-Abrār wa Mawā'iz al-Akhyār*. Tarikh penulisannya tidak diketahui. Kitab ini membicarakan tasawwuf secara mendalam. Ia merupakan terjemahan dan saduran dari karya Syeikh Muhammad Bin 'Umar al-Ghamri al-Wasiti.<sup>95</sup>

---

<sup>90</sup> *Ibid.*, h. 60.

<sup>91</sup> Sulaiman Ibrahim (2001), *Syeikh Daud al-Fatani dalam Pengaruhnya dalam Penyebaran Tarekat Shattariyyah di Nusantara*", Kertas kerja Nadwah Ulamak Nusantara 1. Kolej Pengajian Islam Prience of Songkla Universiti, Kampus Pattani Thailand, 19-20 Mei 2001, h. 7

<sup>92</sup> Wan Mohd Shaghir (1990), *Syeikh Daud Bin Abdullah al- Fatani: Ulamak dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, *op.cit.*, h 61.

<sup>93</sup> *Ibid.*, h.59

<sup>94</sup> Abdul Aziz Ambak Ismail (1991), "*Sumbangan Syeikh Daud al- Fatani dalam Aqidah di Nusantara*", Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 17-19hb Disember 1991, h. 7

<sup>95</sup> Wan Mohd Shaghir (1990), "*Syeikh Daud bin .Abdullah al- Fatani: Ulamak dan Pengarang Terunggul Asia Tenggara*", *op.cit.*, h. 61

- 19- *Risālah al-Masā'il*. Tarikh penulisannya tidak diketahui. Kandungan risalah ini berkaitan dengan persoalan sembahyang Jumaat.<sup>96</sup>
- 20- *Kifāyah al-Mubtadi fī 'i'tiqād al-Murshidīn*. Tarikh penulisannya tidak diketahui. Kitab ini juga mempunyai judul lain iaitu *Irshād al-Aṭfāl al-Mubtadi'īn fī 'Aqāid al-Dīn*. Kandungannya mengenai Ilmu Tauhid, menjelaskan syarat-syarat iman dan perkara-perkara yang membinasakannya. Juga disentuh rukun-rukun, syarat-syarat syahadah dan perkara-perkara yang membatalkannya.<sup>97</sup>
- 21- *Jihayah al-Takhattub*.<sup>98</sup> Karya ini belum ditemui.<sup>99</sup>
- 22- *Fatwa Berjual Beli Dengan Kaḥfīr*. Kitab ini belum pernah diterbitkan dan kandungannya tidak pernah dibicarakan dalam kitab-kitab beliau yang lain.<sup>100</sup>
- 23- *Hukum Haid Dan Istihādah*. Kitab ini belum pernah diterbitkan. Perbahasannya mendalam tentang persoalan haid dan istihādah.<sup>101</sup>
- 24- *Tārīkh Fatani*. Kitab ini asalnya karangan Syeikh Faqīh 'Alī Bin Wan Muhammad. Syeikh Daud telah menyalin semula dan mentaḥqīqkannya.<sup>102</sup>

<sup>96</sup> *Ibid.*, h. 65

<sup>97</sup> *Ibid.*, h. 65-67

<sup>98</sup> Berlaku kesilapan ejaan pada karya ini.

<sup>99</sup> Mohammad Zaini Yahya et. al (2001), *Penulisan Fiqh Syeikh Daud al- Fatani*", *op.cit.*, h. 6. Lihat juga Wan Mohd Shaghir (1990), *Syeikh Daud bin Abdullah al- Fatani: Ulamak dan Pengarang Terunggul Asia Tenggara*", *op.cit.*, h. 28

<sup>100</sup> *Ibid.*, h. 92

<sup>101</sup> *Ibid.*, h. 93

<sup>102</sup> Wan Mohd Shaghir (1999), *Munyah al Muṣalli*, *op.cit.*, h. 12

- 25- *Mudhākarah al-Ikhwān*. (1249H/1833M). Kitab ini ditulis di Makkah. Kandungannya merupakan wasiat Syeikh Daud supaya bertaqwa kepada Allah.<sup>103</sup>
- 26- *Kifāyah al-Jawiyyah*. Karya ini tidak ditemui<sup>104</sup>
- 27- *Ward al-Zawāhir li Hil Alfāz al-Jawāhīr* (1245H). Kitab ini merupakan terjemahan dan syarahan dari kitab Arab iaitu merupakan sharah kepada matan Jawharah al-Tauhīd.<sup>105</sup> Kitab ini selesai dikarang pada 24 Safar, Selasa di Makkah. Kitab ini merupakan kitab yang terbesar dan luas kupasannya dalam bahasa Melayu dalam bidang Uṣūl al-Dīn.<sup>106</sup>
- 28- *Al-Jawāhir al-Saniyyah* (1252H). Kitab ini ditulis di Ṭāif dan selesai dikarang pada waktu Ḍuḥa, Isnin 16 Jamadil al-Ūlā. Kitab ini merupakan kitab akidah yang betul dan hukum hakam fiqh yang menyentuh semua bab Ilmu Fiqh. Di awal bab ini dimuatkan juga asas-asas aqidah mengikut *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.<sup>107</sup>
- 29- *Ghāyah al-Marām* (1245H). Kitab ini selesai ditulis pada 5 Ramadhan, di Makkah. Kandungannya menerangkan cara-cara menunaikan haji dan umrah.<sup>108</sup>

---

<sup>103</sup> Wan Mohd Shaghir (1990), *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulamak dan Pengarang Terunggul Asia Tenggara*, h. 65

<sup>104</sup> *Ibid.*, h. 67

<sup>105</sup> Abdul Rahman Mahmood(2001), Pengkaedahan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Dalam Penulisan Akidah” (Kertas kerja Nadwah Ulamak Nusantara 1: Kolej Pengajian Islam Prince of Songkla University Kampus Pattani, Thailand 19-20 Mei 2001, h. 2

<sup>106</sup> Wan Mohd Shaghir(1990), *op.cit.*, h. 79-81

<sup>107</sup> *Ibid.*, h. 85

<sup>108</sup> *Ibid.*, h. 71.



- 30- *al-Ghāyah wa al-Taqrīb fī al-Irth wa al-Ta'sīb*. Kitab ini selesai ditulis pada 5hb Safar, hari Jumaat. Kitab ini menerangkan cara-cara pembahagian harta pusaka menurut hukum syara'.<sup>109</sup>
- 31- *Kifāyah al-Muhtāj fī al-Isrā' wa al-Mi'rāj*. Kitab ini menerangkan peristiwa Isrā' dan Mi'rāj yang berlaku kepada Nabi Muhammad s.a.w. Kitab ini dianggap kitab yang pertama dalam Bahasa Melayu menceritakan kisah ini. Ia juga banyak digunakan di pondok-pondok dan pusat-pusat pengajian masa dahulu terutamanya pada bulan Rejab.<sup>110</sup>
- 32- *Tuḥfah al-Ikhwān Fī Nisf Sya'aban*. Tidak diketahui tarikh penulisannya.<sup>111</sup>
- 33- *Fawā'id al-Fikr fī al-Imām al-Mahdī*. Tidak dinyatakan tarikh penulisannya. Kitab ini adalah terjemahan dari kitab Arab hasil karangan Syeikh Mar'ī Ibn Yūsuf. Ia membicarakan tentang kelahiran Imām Mahdī. Kitab ini belum pernah dicetak.<sup>112</sup>
- 34- *Bahjah al-Wardiyyah* (1259H). Kitab ini selesai ditulis pada 16hb Safar di Makkah . Menurut Wan Mohd.Shaghir kitab ini merupakan terjemahan dan huraian dari bahasa Arab. Kandungannya mengenai Ilmu Tauhīd.<sup>113</sup>
- 35- *Furū' al-Masā'il wa Uṣūl al-Masā'il*. Kitab ini mula ditulis pada tahun 1254H dan selesai penulisannya pada 1257H. Kitab ini berbeza dari karya-karya beliau yang lain kerana bentuk penulisannya dibuat dengan cara soal

<sup>109</sup> *Ibid.*, h. 70 .

<sup>110</sup> *Ibid.*, h. 69.

<sup>111</sup> Wan Mohd Shaghir (1999), "*Munyah al- Muṣalli*", *op.cit.*, h. 13.

<sup>112</sup> *Ibid.*, h. 91.

<sup>113</sup> *Ibid.*, h. 87.

jawab.<sup>114</sup> Sumber hukum yang dirujuk dalam kitab ini ialah dari al-fatawa karya Syeikh al-Ramlī (1004H/1596M) dan *Kasyf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām* karya Ḥusayn bin Aḥmad al-Maḥalli (1458M). Kitab ini dianggap kitab fiqh dalam Bahasa Melayu yang terbesar dan tersohor serta lengkap yang merangkumi semua aspek keagamaan.<sup>115</sup> Ia mungkin menandakan kemuncak penulisan Syeikh Daud dalam bidang fiqh.<sup>116</sup>

36- *Hidāyah al-Muta’allim wa ‘Umdah al-Mu’allim*. Kitab ini dikatakan kitab Fiqh pertama yang paling lengkap.<sup>117</sup>

37- *Sullam al-Mubtadī fī Ma’rifah Ṭarīq al-Muhtadī*. Kitab ini ditulis ketika Syeikh Daud berada di Ṭāif. Kandungnya dimulai dengan persoalan aqiqah kemudian diikuti perbincangan mengenai fiqh yang menyentuh semua bab tetapi dihurai secara ringkas.<sup>118</sup>

38- *Nahj al-Raqibīn wa Subul al-Muttaqīn* (1226H/1811M). Kitab ini terdiri dari dua jilid dan selesai penulisan kedua-duanya pada Jamadi al-Awwal 1234H di Makkah. Walau bagaimanapun jilid pertama sahaja yang pernah dicetak dan diterbitkan. Ia dicetak pada bahagian tepi kitab *Bughyah al-Tullāb*. Manakala jilid kedua tidak pernah dicetak. Isi kandungannya membincangkan persoalan jual beli dan perkara-perkara yang berkaitan

---

<sup>114</sup> *Ibid.*, h. 86.

<sup>115</sup> Joni Tamkin Borhan (2001), *Sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam Fiqh Mu’amalah: Tumpuan Kepada Furu’ al-Masail*, Kertas Kerja Nadwah Ulamak Nusantara 1, Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Kampus Pattani, Thailand, 19 – 20 Mei 2001, h. 5-7.

<sup>116</sup> Mohammad Zaini Yahya et al. (2001), *Sumbangan Syeikh Daud al-Fatani*, *op.cit.*, h. 8-9.

<sup>117</sup> *Ibid.*, h. 5.

<sup>118</sup> *Ibid.*, h. 5. Lihat juga Joni Tamkin Borhan (2001), *Sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dalam Fiqh Mu’amalah: Tumpuan Kepada Furu’ al-Masail*, *op.cit.*, h. 5-6.

dengannya sebagai pokok perbincangan. Di samping itu juga diketengahkan hukum jenayah, jihad, qada, dakwa dan saksi.<sup>119</sup>

39- *Munyah al-Muṣalli* (1242H/1827M). Perbahasannya mengenai bab sembahyang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ianya sering digunakan dalam pengajian di Asia Tenggara.<sup>120</sup>

## 1.7 Meninggal Dunia

Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Fatani telah meninggal dunia di Ṭāif. Tahun kematiannya tidak diketahui dengan pasti. Namun satu catatan menyebutkan ia adalah pada tahun 1265H.

Jenazah beliau dimakamkan di Ṭāif bersebelahan dengan kubur ‘Abdullah bin ‘Abbās (r.a)<sup>121</sup> iaitu sepupu Baginda S.A.W yang meninggal dunia pada tahun 78H.<sup>122</sup> Menurut cerita Hajjah Wan Zainab<sup>123</sup> binti Syeikh Aḥmad al-Fatani yang didengari dari ibunya Hajjah Wan Siti Saudah binti Abdullah, bahawa jenazah beliau telah dipindahkan oleh Syeikh Nik Mat Kecil al-Fatani ke Makkah dan dikebumikan di bawah pohon bidara di hadapan rumahnya kerana ketika itu golongan Wahabi mahu membongkar semua kubur yang dikeramatkan termasuk kubur Syeikh Daud al-Fatani.

<sup>119</sup> Wan Mohd. Shaghir (1990), “*Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulamak dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*”, *op.cit.*, h. 70 dan 73.

<sup>120</sup> *Ibid.*, h. 78

<sup>121</sup> Beliau ialah ‘Abdullah ibn ‘Abbas bin ‘Abd al-Muttalib al-Qurasyi al-Hasyimi. Pemimpin umat dan seorang sahabat yang agung. Dilahirkan di Makkah pada tahun ketiga sebelum Hijrah bersamaan 619M dan membesar pada zaman permulaan Kenabian Muhammad s.a.w. Sentiasa berdamping dengan Rasulullah s.a.w dan meriwayatkan hadis-hadis daripada Baginda. Beliau berpikah kepada Khalifah ‘Alī dalam peperangan Jamal dan Siffīn. Beliau hilang penglihatan pada akhir usianya. Tinggal di Ṭāif dan meninggal dunia di sana pada tahun 78H/687M. Beliau meriwayatkan 1,660 hadis yang termuat di dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* serta lain-lain lagi. Lihat al-Zirkli (1979), *op.cit.*, j.4, h.95

<sup>122</sup> Aḥmad Fathy al-Fatani (2002), *op.cit.*, h.38.

<sup>123</sup> Beliau ialah cicit saudara kepada Syeikh Daud al-Fatani dan ibu kepada Wan Mohd Shaghir Bin Abdullah. Bapanya Syeikh Aḥmad atau Muhammad al-Fatani adalah cucu saudara kepada Syeikh Daud al-Fatani. Lihat Siti Zaikhah Mohd Nor (2001), “*Sumbangan Ulamak Patani dalam Perkembangan Ilmu Fiqh*”, Kertas Kerja Nadwah Ulamak Nusantara 1, Kolej Pengajian Islam, Prience of Songkla Universiti, Kampus Pattani, Thailand, 19-20hb Mei 2001, h. 4.

## 1.8 Kesimpulan

Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani adalah seorang ulamak yang mempunyai kewibawaan dalam penulisan dan alim dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan, kerana beliau hidup dalam keluarga yang mencintai ilmu agama. Beliau termasuk dalam golongan ulamak yang terkenal. Antara faktor yang dikenali oleh masyarakat beliau mengajar di Masjid al-Haram, di samping itu ramai di kalangan murid-murid beliau dengannya di Masjid al-Haram. Antara sebab yang lain memberi beliau lebih terkenal ialah karya-karya beliau yang berautoriti.

Jika dilihat kepada karya-karya yang terdiri dari pelbagai disiplin ilmu itu, maka tidak hairanlah Syeikh Daud diberi gelaran Bahjah al-Dīn, al-‘Ālim, al-’Allāmah, al-‘Ārif dan al-Rabbānī.

Sumbangannya terhadap perkembangan ilmu bukan sahaja di rantau Nusantara ini malah berkembang ke Timur Tengah seperti di Hijaz dan Mesir. Ini kerana hasil karyanya dicetak di Mekah dan Mesir. Pusaka penulisannya masih dapat dimanfaatkan hingga ke hari ini. Kitab-kitab seperti *Munyah al-Muṣalli*, *Minhāj al-‘Ābidīn*, *Kifāyah al-Muḥtāj* dan *Īdāh al-Albāb* ini masih di pelajari di pondok-pondok dan masjid-masjid serta dijadikan bahan rujukan oleh individu-individu tertentu seperti tuan-tuan guru dan ustaz-ustaz dan mereka yang ingin mendalami agama.

Beliau banyak menghasilkan penulisan dalam pelbagai bidang seperti mana yang telah disebut sebelum ini. Pada zaman Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani terdapat banyak isu yang berlaku antaranya ialah isu politik tentang pemerintah yang adil dan

zalim, memberi penjelasan dan wasiat kepada manusia supaya bertaqwa kepada Allah S.W.T., memberi fatwa tentang binatang yang halal dan haram dimakan dan isu-isu yang lain, sehingga dapat kita mengetahui bahawa karya-karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani adalah sebagai bukti yang paling besar bahawa beliau dapat menyelesaikan isu-isu yang berlaku pada zamannya dan berterusan dapat digunakan sampai sekarang ini.

Oleh itu, secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani merupakan seorang yang cendekiawan dalam pelbagai ilmu, berbanding dengan para ulamak zaman ini kerana mereka itu alim dalam bidang pengkhususan yang mereka pelajarnya sahaja. Oleh yang demikian, kita harus mengingati sejarah hidupnya dan menjaga serta memelihara keunggulan karya-karyanya supaya tetap kekal dan utuh sehingga seterusnya dan mempelajari ilmu agama pelbagai bidang supaya menjadikan kita contoh tauladan untuk menjalankan tugas-tugas agama Islam yang suci murni .